

# Pusat Krisis Sehenti pulihkan mangsa dera

BH 2/2/08  
M/S 11

**P**ENDERAAN emosi, seksual, fizikal dan ekonomi, adalah sebahagian daripada kes keganasan berulang yang sukar dihentikan. Walaupun ada kes lelaki menjadi mangsa penderaan, keganasan domestik lazimnya membabitkan gadis dan wanita daripada pelbagai latar belakang dan jumlah kes kian meningkat.

Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan secara purata empat wanita dirogol atau dicabul setiap hari. Tujuh wanita pula menjadi mangsa gangguan seksual, manakala 100 kanak-kanak didera setiap hari. Statistik sama menunjukkan 52 peratus mangsa rogol berusia bawah 15 tahun dan lebih daripada 80 peratus mangsa rogol mengenali identiti perogol. Kementerian itu juga menyatakan kes rogol meningkat sekali ganda kepada 2,341 kes pada 2006 berbanding 1,217 kes pada 2001.

Mangsa keganasan domestik memerlukan perhatian perubatan ketika krisis, di samping perlindungan, tempat tinggal yang selamat, sokongan, kaunseling dan bantuan perundangan. Bantuan komprehensif ini bukan saja meliputi aspek perubatan, malah kaunselor, pekerja sosial, perundangan dan polis.

Ada beberapa agensi kerajaan dan swasta menyediakan sumber dan sokongan untuk wanita dianiaya, tetapi keistimewaan Pusat Krisis Sehenti (PKS) di hospital kerajaan ialah menempatkan semua perkhidmatan diperlukan mangsa di bawah satu bumbung. Ia tempat wanita dan kanak-kanak didera, termasuk mangsa rogol mendapatkan semua bantuan diperlukan.

Objektif pusat ini ialah menyediakan sebuah tempat untuk mangsa keganasan dan jenayah mendapatkan rawatan dan segala bantuan diperlukan tanpa perlu pergi dari satu tempat ke tempat lain. Ia juga menempatkan pelbagai disiplin perubatan seperti obstetrik dan ginekologi, forensik, pakar psikitari, pekerja sosial, pakar pediatrik, surgeri serta pelbagai sektor antara agensi seperti kebajikan, polis, biro bantuan perundangan, kumpulan agama dan pertubuhan bukan kerajaan.

Di Malaysia, pusat seperti itu berkembang secara berperingkat. Pusat pertama ditubuhkan pada 1986 di Hospital Universiti, Kuala Lumpur, yang kini dikenali Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), susulan daripada kempen anti-keganasan terhadap wanita oleh pertubuhan wanita.

Bagi meluaskan perkhidmatan itu, pusat kedua dibuka lapan tahun kemudian di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Sebelum itu, semua kes dikendalikan secara ad-hoc. Pada 1996, Kementerian Kesihatan mengarahkan semua hospital negeri membuka PKS untuk mangsa keganasan domestik. Sehingga 1997, PKS ditubuhkan hampir 90 peratus hospital kerajaan di seluruh negara, yang kini melebihi 100 pusat.

Apabila seorang wanita, yang mendakwa menjadi mangsa keganasan datang ke Unit Kemalangan dan Kecemasan di mana-mana hospital, PKS dikehendaki menguruskan segera pemeriksaan perubatan dan rawatan. Petugas daripada agensi berkaitan akan berkumpul sebaik mereka dipanggil memberikan bantuan. Pekerja sosial hospital dan sukarelawan dari persatuan wanita juga memberi khidmat kaunseling dan mengatur bantuan seterusnya.

Pertubuhan Majlis Wanita Kebangsaan, yang berperanan melatih sekumpulan kaunselor sukarela bagi membantu PKS, kini dalam menyiapkan Panduan Kaunseling bagi memastikan latihan yang konsisten disediakan di seluruh negara.

Selain daripada latihan untuk sukarelawan, pelbagai program turut dianjurkan Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM) dan Pusat Krisis Wanita (PKW) untuk menanam kesedaran gender di kalangan pekerja sosial dan perubatan.

Program latihan ini menyediakan analisis faktor penyebab keganasan terhadap wanita, sudut pandang perundangan terhadap isu keganasan domestik dan rogol serta memperkenalkan pendekatan yang sensitif terhadap pengurusan perkhidmatan mangsa terbabit.

"Kecederaan fizikal hanyalah sebahagian kecil daripada trauma dialami mangsa keganasan domestik dan rogol, tetapi apa yang membimbangkan ialah ada antara kesan ini berpotensi untuk mengancam nyawa mangsa," kata pakar perubatan kecemasan HKL, Dr Faisal Salikin memberitahu *Bernama*, baru-baru ini.

Menurut beliau, PKS di HKL menguruskan pelbagai kes keganasan domestik yang antaranya rogol, serangan seksual, liwat dan penderaan kanak-kanak.

"Pada 2006, PKS di HKL menerima 543 kes isteri dibelasah suami, 226 kes rogol dan 1,270 kes penderaan kanak-kanak. Secara purata, PKS di HKL menerima 50 mangsa penderaan fizikal dan 25 kes rogol sebulan," katanya dan menambah, lebih 80 peratus mangsa berbangsa Melayu.

"PKS di HKL dibuka kepada semua kes dera sama ada penderaan fizikal mahupun penderaan emosi. Walaupun kebanyakan kes berbentuk fizikal, ramai yang tidak menyangka ada bantuan untuk penderaan emosi dan jenis penderaan lain," katanya.

Skop perkhidmatan di PKS HKL, termasuk pemeriksaan, pengurusan bukti, diagnosis, penjagaan definitif, rujukan, dokumentasi dan laporan perubatan dengan memberi keutamaan doktor wanita merawat pesakit wanita serta sebaliknya.

PKS juga akan menyediakan terapi dan intervensi perubatan, intervensi krisis pelbagai peringkat, kaunseling dan sokongan emosi, perlindungan sementara serta bantuan perundangan. Bagaimanapun, PKS tidak boleh memaksa mangsa untuk membuat laporan polis kecuali jika mangsa berusia bawah 18 tahun.